

ORDINAN PENGANGKATAN (SABAH NO. 23 TAHUN 1960)

DISEDIAKAN OLEH:
HELEN RAPAT,
PEGAWAI UNDANG-UNDANG,
JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI SABAH.

UNDANG-UNDANG BAGI PERKARA BERKAITAN PENGAMBILAN ANAK ANGKAT

- ▶ SEMENANJUNG – Akta Pengangkatan 1952 [Akta 257]
- ▶ SARAWAK – Ordinan Pengangkatan 1942 (Cap. 91)
- ▶ SABAH – Ordinan Pengangkatan 1960 (*Sabah No. 23 of 1960*)

PROSEDUR PENGAMBILAN ANAK ANGKAT – SABAH

- ▶ Pemohon yang ingin mendaftarkan pengangkatan di negeri Sabah perlu membuat permohonan di mahkamah-mahkamah berkaitan mengikut kategori seperti berikut:-
 - a) Mahkamah Anak Negeri bagi anak negeri (*native*) Sabah sahaja;
 - b) Mahkamah Tinggi bagi bukan warganegara dan bukan *native*;
 - c) Mahkamah Tinggi Syariah bagi yang beragama Islam
- ▶ Pendaftaran anak angkat di Sabah dibuat berdasarkan Ordinan Pengangkatan 1960, Native Adoption Regulations 1961, Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah Negeri Sabah (Amalan dan Tatacara Pengambilan Anak Angkat) 2006.

ORDINAN PENGANGKATAN 1960

- ▶ Terdiri daripada 4 bahagian.
- ▶ Bahagian I – Permulaan
- ▶ Bahagian II – Pembuatan Perintah Pengangkatan
- ▶ Bahagian III – Pendaftaran Perintah Pengangkatan
- ▶ Bahagian IV – Kesan-kesan Perintah Pengangkatan

BAHAGIAN I - PERMULAAN

► **Seksyen 1 – Tajuk Ringkas**

Ordinan ini bolehlah dinamakan Ordinan Pengangkatan 1960.

► **Seksyen 2 – Tafsiran**

“Daftar Anak Angkat” ertinya Daftar Anak Angkat yang dirujuk dalam subseksyen 12(1) termasuk daftar berkaitan yang disimpan dan disenggarakan dalam komputer, pada mikrofilem atau dalam mana-mana bentuk lain peranti elektronik;

“perintah pengangkatan” mempunyai maksud terkandung padanya di bawah seksyen 3;

“Sijil Kelahiran” ertinya Sijil Kelahiran yang dikeluarkan di bawah Ordinan ini;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi;

BAHAGIAN I - PERMULAAN

► Seksyen 2 – Tafsiran

“bapa” berhubung dengan anak tidak sah taraf, ertinya bapa sebenar;

“anak” ertinya seseorang di bawah umur dua puluh satu tahun tetapi tidak termasuk yang sudah berkahwin;

“ibubapa” berhubung dengan anak tidak sah taraf, ertinya ibunya, tidak termasuk bapanya.

“saudara” ertinya datuk atau nenek, adik beradik lelaki atau perempuan, bapa saudara atau ibu saudara, sama ada melalui hubungan sedarah, *half-blood*, atau melalui pertalian kahwin, termasuk –

- (a) Anak sah taraf – mana-mana orang yang boleh menjadi saudara di bawah tafsiran ini;
- (b) Anak tidak sah taraf – bapa atau mana-mana orang yang boleh menjadi saudara di bawah tafsiran ini.

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

► **Seksyen 3 – Kuasa untuk membuat perintah pengangkatan**

- (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Ordinan ini, Mahkamah boleh, apabila permohonan dibuat mengikut cara yang ditetapkan, membuat perintah (dalam Ordinan ini dirujuk sebagai perintah pengangkatan) yang membenarkan pemohon untuk mengangkat anak itu.
- (2) Suatu perintah pengangkatan boleh dibuat melalui permohonan oleh pasangan suami isteri secara bersesama, membenarkan mereka secara bersesama mengangkat anak itu.
- (3) Suatu perintah pengangkatan boleh dibuat membenarkan pengangkatan anak oleh ibu atau bapa anak itu, sama ada berseorangan atau bersesama dengan suami atau isterinya.

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

► **Seksyen 4 – Sekatan ke atas pembuatan perintah pengangkatan**

- (1) Sesuatu perintah pengangkatan tidak boleh dibuat melainkan jika pemohon itu atau, dalam hal permohonan bersama, seorang daripada pemohon itu-
 - (a) telah mencapai umur dua puluh lima tahun dan adalah sekurang-kurangnya dua puluh satu tahun lebih tua daripada anak itu;
 - (b) telah mencapai umur dua puluh satu tahun dan adalah saudara anak itu; atau
 - (c) ialah ibu atau bapa anak itu.
- (2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah seksyen 10, sesuatu perintah pengangkatan tidak boleh dibuat jika anak itu ialah perempuan dan pemohon tunggalnya ialah seorang lelaki, melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat keadaan khas (*special circumstances*).

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

- (3) Kecuali seperti yang diperuntukan di bawah subseksyen 3(2), suatu perintah pengangkatan tidak boleh membenarkan lebih daripada seorang untuk mengangkat seorang anak. (ss 3(2)- permohonan bersama)
- (4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 5 dan 10, sesuatu perintah pengangkatan tidak boleh dibuat –
- (a) dalam mana-mana hal, melainkan dengan persetujuan (consent) ibubapa atau penjaga anak itu atau sesejapa yang bertanggungjawab berdasarkan mana-mana perintah atau perjanjian untuk menyumbang kepada nafkah anak itu; atau
 - (b) pada permohonan oleh satu daripada pasangan dalam perkahwinan monogami, kecuali dengan persetujuan pasangannya.

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

- (5) Perintah pengangkatan tidak boleh dibuat bagi anak (*infant*) melainkan pemohon dan anak (*infant*) tersebut bermastautin di Sabah.
- (6) Perintah pengangkatan tidak boleh dibuat bagi anak (*infant*) melainkan
 - (a) Anak itu berada dalam jagaan pemohon selama sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh perintah; dan
 - (b) Pemohon telah sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh perintah, memberi notis kepada Pengarah tentang niatnya untuk memohon perintah pengangkatan anak tersebut.

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

► **Seksyen 5 – Persetujuan pengangkatan**

- (1) Mahkamah boleh mengetepikan persetujuan yang diperlukan dalam para 4(4)(a) sekiranya berpuas hati-
 - (a) Ibubapa atau anak telah meninggalkan, mengabaikan atau melayan secara buruk anak itu;
 - (b) Orang yang bertanggungjawab dalam suatu perintah atau perjanjian untuk menyumbang nafkah kepada anak itu telah mengabaikan atau tidak mahu menyumbang nafkah;
 - (c) Orang yang persetujuannya diperlukan, tidak dijumpai atau tidak berkeupayaan untuk memberi persetujuan atau persetujuannya ditahan secara tidak masuk akal (*unreasonably withheld*).

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

- (2) Mahkamah boleh mengetepikan persetujuan oleh pasangan pemohon bagi suatu perintah pengangkatan jika bersetuju bahawa pasangan tersebut tidak dijumpai atau tidak berkeupayaan untuk memberi persetujuan atau pasangan tersebut telah berpisah.
- (3) Persetujuan oleh mana-mana orang dalam membuat perintah pengangkatan boleh diberi (tertakluk kepada syarat-syarat agama yang mana anak itu akan dibesarkan) tanpa mengetahui identiti pemohon. Persetujuan akan dianggap ditahan secara tidak masuk akal (unreasonably withheld) sekiranya persetujuan ditarik balik ataas sebab orang tersebut tidak tahu identiti pemohon.

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

(4) Ibubapa atau penjaga tidak boleh mengambil anak itu daripada jagaan pemohon semasa permohonan pengangkatan masih berjalan di mana-mana mahkamah.

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

► **Seksyen 6 – Keterangan (evidence) persetujuan ibubapa atau penjaga**

- (1) Dokumen persetujuan yang ditandatangani oleh ibubapa atau penjaga adalah diterima sebagai keterangan di mahkamah walaupun ibubapa atau penjaga tersebut tidak hadir dalam prosiding perintah pengangkatan.
- (3) Dokumen persetujuan oleh ibu anak itu tidak boleh diterima sebagai bukti melainkan –
 - (a) Anak itu berumur tidak kurang 6 minggu pada tarikh pelaksanaan (execution) dokumen tersebut; dan
 - (b) Dokumen tersebut diakui oleh Majistret.

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

- ▶ **Seksyen 7 – fungsi-fungsi Mahkamah dalam perintah-perintah pengangkatan**
 - (1) Sebelum membuat perintah pengangkatan, Mahkamah hendaklah berpuas hati –
 - (a) Bahawa setiap orang yang mana persetujuannya diperlukan di bawah Ordinan ini, dan persetujuannya tidak diketepikan, telah bersetuju dan memahami sifat dan kesan perintah pengangkatan, dan ibubapa hendaklah memahami bahawa perintah pengangkatan akan melucutkan dia haknya sebagai ibubapa;
 - (b) Bahawa perintah itu haruslah bagi kebijakan anak itu, kehendak anak itu haruslah diberi pertimbangan sewajarnya dengan mengambil kira umur dan pemahaman anak itu.

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

- (c) Pemohon tidak menerima atau bersetuju untuk menerima, dan tidak ada orang pernah membuat atau memberi atau menerima untuk membuat atau memberi kepada pemohon apa-apa bayaran atau ganjaran bagi pengangkatan itu melainkan jika dibenarkan oleh Mahkamah.
- (2) Mahkamah boleh mengenakan terma dan syarat yang difikirkan wajar.

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

► **Seksyen 8 – Perintah sementara (*interim orders*)**

- (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah seksyen ini, Mahkamah boleh menangguhkan penentuan (*determination*) permohonan tersebut dan membuat perintah sementara, memberi hak jagaan anak tersebut kepada pemohon selama tempoh tidak melebihi 2 tahun.
- (2) Persetujuan ibu bapa atau penjaga adalah diperlukan bagi perintah sementara.
- (3) Perintah sementara tidak boleh dibuat jika perintah tersebut adalah menyalahi undang-undang di bawah subseksyen 4(6).
- (4) Perintah sementara tidak boleh dianggap sebagai perintah pengangkatan bagi maksud Ordinan ini.

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

- ▶ **Seksyen 9 – Perintah pengangkatan bagi anak yang pernah menjadi anak angkat**
 - (1) Perintah pengangkatan atau perintah sementara boleh dibuat bagi anak yang pernah menjadi anak angkat di bawah Ordinan ini.
 - (2) Ibubapa angkat dalam perintah pengangkatan sebelum itu adalah dianggap sebagai ibubapa anak itu bagi tujuan Ordinan ini;

BAHAGIAN II – PEMBUATAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 3-11)

► **Seksyen 10 – Peruntukan bagi pengangkatan *de facto***

Mana-mana anak di bawah jagaan, dan dibesarkan, dididik oleh mana-mana orang atau pasangan sebagai anaknya di bawah pengangkatan *de facto*, dan anak itu telah berada dalam jagaannya dalam tempoh tidak kurang setahun, persetujuan ibubapa atau penjaga anak itu adalah tidak diperlukan.

► **Seksyen 11 – Kuasa untuk membuat peraturan dan prosedur**

(3) Bagi tujuan mana-mana permohonan perintah pengangkatan, Mahkamah hendaklah melantik seseorang untuk bertindak sebagai penjaga *ad litem* anak tersebut semasa pendengaran (*hearing*) permohonan tersebut, dengan tugas untuk menjaga kepentingan anak tersebut.

BAHAGIAN III – PENDAFTARAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 12-15)

► **Seksyen 12 – Daftar Anak Angkat**

- (1) Pendaftar hendaklah menjaga (*maintain*) daftar yang dipanggil sebagai Daftar Anak Angkat.
- (4) Butir-butir dalam Daftar Anak Angkat tidak boleh didedahkan kepada orang awam melainkan dengan perintah Mahkamah.

BAHAGIAN III – PENDAFTARAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 12-15)

► **Seksyen 13 – Pendaftaran pengangkatan**

- (1) Setiap perintah pengangkatan hendaklah mengandungi arahan kepada Pendaftar-
 - (a) Untuk mencatatkan perintah pengangkatan; dan
 - (b) Mengeluarkan Sijil Lahir kepada anak angkat tersebut di bawah Ordinan ini.
- (2) Bagi tujuan para 13(1)(a) –
 - (a) Jika tarikh lahir anak itu tidak dapat dibuktikan, Mahkamah akan menentukan tarikh lahirnya;

BAHAGIAN III – PENDAFTARAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 12-15)

- (b) Jika nama atau nama keluarga (surname) anak itu ditukar selepas pengangkatan, nama baharu hendaklah dinyatakan dalam perintah; dan
- (c) Jika negara kelahiran anak itu tidak dapat dibuktikan kepada Mahkamah, butir-butir negara tersebut hendaklah dikeluarkan daripada perintah dan entri Daftar Anak Angkat

BAHAGIAN III – PENDAFTARAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 12-15)

► Seksyen 13A – Sijil Lahir

- (1) Setiap perintah pengangkatan hendaklah mengandungi arahan-
 - (a) Kepada Pendaftar bahawa perkataan “adopted”, “adopter” atau “adoptive” tidak boleh dimasukkan ke dalam Sijil Lahir; dan
 - (b) Ibubapa kandung atau ibubapa angkat hendaklah menyerahkan kembali kepada Pendaftar Sijil Lahir Asal yang dibuat di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian [Sabah Cap. 123]
- (5) Sijil Lahir yang dikeluarkan bagi perintah pengangkatan di bawah Ordinan ini hendaklah menggantikan Sijil Lahir yang dikeluarkan di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian [Sabah Cap. 123]

BAHAGIAN IV – KESAN-KESAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 16-18)

► **Seksyen 16 – Rights and duties of parents and capacity to marry**

- (1) Sebaik sahaja Perintah Pengangkatan dibuat Mahkamah, semua hak, tanggungjawab dan keupayaan ibubapa atau penjaga anak tersebut khususnya mengenai penjagaan, pengawasan, penyeliaan dan pembelajaran anak tersebut akan terhenti dan terbatal.

Ini kerana segala hak dan tanggungjawab ini telah diambil alih sepenuhnya oleh Pemohon yang dibenarkan oleh Mahkamah dan anak tersebut dianggap sebagai anak kandung mereka sendiri.

BAHAGIAN IV – KESAN-KESAN PERINTAH PENGANGKATAN (SEKSYEN 16-18)

► **Seksyen 17 – Hak terhadap harta**

- Mulai daripada tarikh perintah pengangkatan, anak angkat tersebut mendapat hak terhadap harta ibubapa angkatnya.
- Seksyen 17(1)

'where, at any time after the making of an adoption order, the adopter or the adopter person or any other person dies intestate in respect of any property, that property shall devolve in all respects as if the adopted person were the child of the adopter born in lawful wedlock and were not the child of any other person.'

BAHAGIAN V – PELBAGAI

► **Seksyen 19 – Penyeliaan anak (infant)**

- (1) Tertakluk kepada subseksyen 19(2), Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa boleh melawat dan memeriksa mana-mana anak apabila menerima notis di bawah para 4(6)(b) dan boleh memasuki premis di mana anak itu tinggal.
- (2) Kuasa di bawah subseksyen 19(2) hendaklah terhenti –
 - (a) Apabila notis ditarik balik;
 - (b) Bagi anak lelaki, apabila perintah pengangkatan telah dibuat; atau
 - (c) Bagi anak perempuan, apabila dia mencapai umur 21 tahun.
- (2) Sesiapa yang tidak membenarkan Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa untuk melawat atau memeriksa adalah bersalah atas suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda RM2,000.

BAHAGIAN V – PELBAGAI

► **Seksyen 20 – Larangan bayaran**

- (1) Tiada siapapun yang boleh memberi atau menerima, atau setuju untuk memberi atau menerima, atau mencuba untuk mendapatkan bayaran atau ganjaran secara langsung mahupun tidak langsung berkaitan dengan pengangkatan anak, kecuali dengan izin Mahkamah, atau bayaran kepada Peguam.
- (2) Sesiapa yang melanggar peruntukan di bawah subseksyen 20(1) adalah bersalah dan jika disabitkan boleh didenda RM1,000 dan penjara tidak kurang 6 bulan.

BAHAGIAN V – PELBAGAI

► **Seksyen 21 – Sekatan iklan**

- (1) Kecuali dengan perintah bertulis daripada Pengarah, tiada iklan boleh diterbitkan menunjukkan –
 - (a) Bahawa ibubapa atau penjaga anak mempunyai niat untuk menyebabkan anak itu diangkat;
 - (b) Bahawa orang itu mempunyai niat untuk mengangkat anak;
 - (c) Bbagawa mana-mana orang mempunyai niat untuk mengatur pengangkatan seorang anak
- (2) Sesiapa yang melanggar peruntukkan di bawah subseksyen 21(1) adalah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda RM500.

BAHAGIAN V – PELBAGAI

► **Seksyen 22 – Keterpakaian kepada Anak Negeri (*natives*)**

- (1) Kecuali seperti yang dinyatakan dalam seksyen 22 dan 23, Ordinan ini tidak terpakai kepada Pengangkatan oleh Anak Negeri.
- (2) Mana-mana Mahkamah Anak Negeri boleh membuat perintah membenarkan pemohon untuk mengangkat anak.
- (3) Sebelum membuat perintah, Mahkamah Anak Negeri hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang mungkin perlu bagi memastikan bahawa ibubapa angkat adalah berusia matang (*mature age*) dan jantina yang sesuai dan persetujuan daripada ibubapa kandung dan ibubapa angkat hendaklah diperolehi, selaras dengan keperluan undang-undang adat pemohon dan –

BAHAGIAN V – PELBAGAI

- (a) Jika perintah dibuat bagi kebajikan anak itu, pertimbangan sewajarnya telah diberikan kepada kehendak anak itu, dengan mengambil kira umur dan pemahamannya; dan
 - (b) Pemohon tidak boleh memberi atau menerima apa-apa bentuk bayaran atau ganjaran berkaitan dengan pengangkatan tersebut melainkan jika dibenarkan oleh Mahkamah.
- (4) Mahkamah Anak Negeri boleh mengenakan terma dan syarat yang difikirkan perlu dalam membuat perintah pengangkatan.

RUMUSAN

► **Siapa yang layak diambil sebagai anak angkat di bawah Ordinan ini?**

- Berumur di bawah 21 tahun
- Belum pernah berkahwin
- Bermastautin di Sabah

► **Siapa yang layak memohon perintah pengangkatan?**

- Bermastautin di Sabah
- Berumur 25 tahun dan sekurang-kurangnya 21 tahun lebih tua daripada anak itu
- Berumur 21 tahun dan saudara kepada anak itu
- Ibu atau bapa kepada anak itu

- ▶ **Bolehkah seorang lelaki sebagai pemohon tunggal (*sole applicant*) memohon untuk mengambil budak perempuan sebagai anak angkat?**
 - Tidak. Kecuali Mahkamah berpuas hati terdapat keadaan khas (*special circumstances*)

- ▶ **Persetujuan siapa yang diperlukan dalam perintah pengangkatan?**
 - Ibubapa kandung
 - Penjaga
 - Ibu sahaja (anak luar nikah)



► **Bolehkah Mahkamah mengetepikan keperluan persetujuan ibubapa atau penjaga dalam membuat perintah pengangkatan?**

Boleh, jika ibubapa atau penjaga:-

- Telah meninggalkan, mengabaikan atau selalu menyeksa anak (bakal anak angkat)
- Tidak dapat dikesan atau tidak berupaya memberi persetujuan
- Tanpa sebab yang munasabah, enggan memberi persetujuan.

- ▶ **Bolehkah ibubapa atau penjaga menarik balik persetujuan perintah pengangkatan atas sebab tidak mengetahui identiti pemohon atau bakal ibubapa angkat?**
 - Tidak. Ini akan dianggap sebagai enggan memberi persetujuan tanpa sebab munasabah. (Kecuali atas sebab agama yang mana anak itu akan dibesarkan).

► **Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum Mahkamah memberi perintah pengangkatan?**

- Anak itu hendaklah berada dalam jagaan pemohon selama 3 bulan berturut-turut sebelum perintah pengangkatan
- Umur anak sekurang-kurangnya 6 minggu
- Pemohon hendaklah mengemukakan notis kepada Pengarah sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum mendapat perintah pengangkatan tentang niatnya untuk memohon perintah tersebut



► Siapakah penjaga ad *litem*?

- Mahkamah setelah menerima permohonan untuk perintah pengangkatan hendaklah melantik seorang penjaga ad *litem* yang mana pada kebiasaannya adalah Pengarah atau pegawai diberi kuasa.
- Sesiapa yang terlibat dalam usaha Pengangkatan tidak boleh dilantik sebagai penjaga ad *litem*.
- Tugas dan tanggungjawab penjaga ad *litem* adalah luas sepetimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua Peraturan Pengangkatan. Dia hendaklah berusaha mencari maklumat mengenai permohonan berkenaan seperti ibu bapa atau penjaga anak tersebut.
- Setelah selesao siasatan dijalankan, Penjaga ad *litem* hendaklah mengemukakan laporan sulit kepada Mahkamah.



► Apakah peranan Mahkamah sebelum membuat perintah pengangkatan?

Mahkamah hendaklah berpuashati tentang 3 perkara sebelum perintah pengangkatan dibuat:-

- Bahawa persetujuan telah diberikan oleh mereka yang wajar dan mereka memahami implikasi perintah tersebut. (Contoh: bahawa perintah pengangkatan tersebut akan melucutkan mereka daripada hak sebagai ibubapa.)
- Bahawa perintah yang dibuat adalah untuk kebaikan anak tersebut (Mahkamah akan mengambil kira laporan penjaga *ad litem*)
- Bahawa tiada pembayaran atau ganjaran terlibat dalam proses perintah pengangkatan tersebut.

► **Apakah kesan perundangan terhadap perintah pengangkatan?**


1) Hak dan tanggungjawab terhadap anak.

- Segala hak dan tanggungjawab anak angkat akan dipikul oleh ibubapa angkatnya. Ikatan sah dari segi undang-undang terbentuk antara anak dan ibubapa angkatnya.
- Hak dan tanggungjawab ibubapa kandung atau penjaga telah dimansuhkan kerana hak dan tanggungjawab tersebut telah diambil alih oleh ibubapa angkatnya
- Subseksyen 16(1) menerangkan bahawa sebagik sahaja perintah pengangkatan dibuat oleh Mahkamah, semua hak, tanggungjawab dan keupayaan ibubapa atau penjaga anak tersebut khususnya mengenai penjagaan, pengawasan, penyeliaan dan pembelajaran akan terhenti dan terbatal.
- Ini kerana segala hak dan tanggungjawab ini diambil alih sepenuhnya oleh ibubapa angkat.

► Apakah kesan perundangan terhadap perintah pengangkatan?

2) Hak terhadap harta

- Mulai daripada Perintah Pengangkatan, anak angkat tersebut mendapat hak terhadap harta ibubapa angkatnya dan ibubapa angkatnya pula akan mendapat hak terhadap harta anaknya jika salah seorang meninggal tanpa meninggalkan wasiat (*intestate*)



► **Sejauh mana Ordinan Pengangkatan terpakai kepada Anak Negeri?**

- Seksyen 22 memperuntukkan bahawa kecuali seperti mana yang dinyatakan dalam seksyen 22 dan 23, Ordinan ini adalah tidak perpakai bagi pengambilan anak angkat oleh Anak Negeri.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Helen Rapat@Johny,
Pegawai Undang-Undang,
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah.
Helen.Rapat@sabah.gov.my